

# USIM anjur futsal sempena pesta konvokesyen

**SEREMBAN 20 Okt.** - Sebanyak 64 pasukan bakal berentap bagi merebut kejuaraan pada Kejohanan Futsal Lelaki Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-13 pada 31 Oktober ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, kejohanan berkenaan yang diadakan di Kompleks Sukan Tuanku Najiah dekat sini bakal menawarkan hadiah lumayan kepada pemenang.

"Johan pertandingan bakal membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM3,000,

naib johan (RM1,200) manakala tempat ketiga (RM500)," menurut kenyataan tersebut, hari ini.

Jelasnya pelbagai kemudahan disediakan untuk kegunaan dan keselesaan peserta seperti tandas, surau, bilik persalinan dan ruang rehat buat mereka yang menyertai pertandingan itu.

Sebarang maklumat lanjut Kejohanan Futsal Lelaki Terbuka bolehlah menghubungi Naqi di talian 013-6432246 dan boleh juga melayari Facebook PESTA Konvokesyen USIM-C'fest 13 untuk mendapatkan borang penyertaan.



**Johan pertandingan bakal membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM3,000, naib johan (RM1,200) manakala tempat ketiga (RM500)."**

**USIM**